



PROJEK PERINTIS PROGRAM RAWATAN TERAPI GANTIAN (RTG) MENGUNAKAN METHADONE DI PUSAT KHIDMAT AADK

Sangeeth Kaur¹, Hafidah Bt. Mohd² &
Mahmood Nazar Mohamed³

ABSTRAK

Penilaian Program Projek Perintis Rawatan Terapi Gantian (RTG) menggunakan Methadone yang telah dimulakan pada 26 November 2007 di tiga buah Pusat Khidmat AADK menunjukkan kejayaan yang memberangsangkan dengan mencapai kadar pengekalan klien sebanyak 92.9% dalam masa 12 bulan yang pertama. Ini juga terbukti melalui penurunan kes 'slip' (penggunaan dadah sesekali) semasa klien mengikuti program ini. Program ini turut berjaya membantu klien untuk menceburi bidang pekerjaan, mengurangkan pengangguran dan mengurangkan kes jenayah di kalangan penagih-penagih dadah. Di samping itu program ini nyata sekali berjaya mempertingkatkan kualiti hidup klien terutama dari segi fizikal, sosial dan persekitarannya. Program Terapi Gantian menggunakan Methadone dapat memberi satu harapan kepada penagih dadah tegar agar mereka dapat kembali berfungsi secara normal, mempraktikkan gaya hidup sihat dan menjadi lebih produktif dalam masyarakat.

ABSTRACT

The National Anti-Drugs Agency has played a pivotal role in implementing a Pilot Project of the Methadone Maintenance Therapy at three AADK After Care Centers in Malaysia since 26 November 2007. Evaluation of this program has shown encouraging success by achieving a retention rate of 92.9% in the first 12 months. The result of the evaluation also has proven to reduce the number of 'slip' (infrequent drug use) cases while undergoing this program. The program has also helped clients in gaining employment thus reducing crime rate. At the same time the Methadone Maintenance Therapy Program has improved the quality of life of these clients especially in the aspect of physical, social and environment. This Program aims to provide hope for these clients to achieve a better quality of life and be able to contribute as productive individuals to the nation.

¹ Bahagian Rawatan dan Pemulihan AADK

² Bahagian Pencegahan AADK

³ Profesor Psikologi UUM



PENDAHULUAN

Sejak penagihan dadah diiktiraf oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai sejenis penyakit kronik dan berulang, pelbagai usaha telah digerakkan bagi mengenalpasti rawatan yang lebih berkesan untuk membantu penagih dadah mengatasi ketagihan yang mereka alami. Memandangkan penagihan dadah jenis opiat amatlah meluas di seluruh dunia pada tahun-tahun 50'an terutamanya di kalangan veteran Amerika Syarikat yang kembali dari peperangan di Asia Tenggara pada tahun 50'an dan 60'an, usaha untuk mencari rawatannya dilipatgandakan. Pada tahun 1950'an, Dr Dole dan Nyswander menemui methadone dan seterusnya membuktikan secara saintifik bahawa ia mampu mengawal serta mengurangkan penggunaan dadah opiat. Maka dengan penemuan ini, Rawatan Terapi Gantian (RTG) atau lebih dikenali dengan Methadone Maintenance Therapy (MMT) mula dikaji dengan meluas di seluruh dunia (*Hubbard et al., 1984*).

Projek Rawatan Terapi Gantian menggunakan methadone terbukti berkesan mengurangkan serta menghapuskan penggunaan dadah berbahaya, efektif dari segi kos dan berjaya mengurangkan jenayah di kalangan penagih di beberapa negara termasuk Amerika Syarikat, Australia, United Kingdom, Lithuania, Hong Kong, Iran dan beberapa negara Eropah. Kaedah Terapi Gantian dengan menggunakan methadone ini juga disyorkan oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO), UNAIDS dan United Nations Office on Drug and Crime (UNODC) sebagai satu strategi untuk mengurangkan jangkitan HIV/AIDS akibat daripada tingkah laku yang berisiko seperti melalui perkongsian jarum suntikan di kalangan penagih-penagih dadah. Ia juga berkesan dalam mengurangkan penggunaan dadah jenis heroin atau morfin, aktiviti jenayah dan kematian akibat *drug overdose* (*Volkow, 2008*).

Beberapa kajian jangka masa panjang selama 20 tahun telah membuktikan keberkesanan program methadone untuk penagihan dadah jenis opiat untuk mengurangkan kadar jenayah dalam kalangan penagih dadah (*Volkow, 2008*).



Kajian Drug Abuse Treatment Outcome Studies (DATOS) juga membuktikan yang program methadone berjaya mengurangkan aktiviti jenayah dalam kalangan penagih (*Hubbard et al., 1984*).

Kejayaan program methadone juga dicatatkan dari aspek pengekalan klien dalam program rawatan dan pemulihan dadah. MMT telah dibuktikan mempunyai kadar pengekalan dalam program pemulihan yang lebih tinggi berbanding dengan program kaunseling atau program pemulihan di institusi tanpa methadone (*Hubbard et al., 1984*).

Kajian juga telah membuktikan bahawa gabungan pemberian ubat methadone bersama kaunseling meningkatkan keberkesanan program MMT dan pengurangan penggunaan dadah jenis opiat semasa klien menjalani rawatan (*Amato et al, 2004*). Beberapa kajian melalui pemerhatian menyatakan terdapat hubungan *dose-response* di antara dos methadone dan penggunaan opiat, yang mana penggunaan dadah opiat didapati semakin menurun dengan peningkatan dos methadone yang diambil oleh klien (National Consensus Development Panel on Effective Medical Treatment of Opiate Addiction, 1998)

Oleh yang demikian, penggunaan dadah opiat dapat dikurangkan secara mendadak jika klien mengambil dos ubat methadone yang bersesuaian. Dos optima di antara 80 hingga 120 mg/dos dan lebih telah terbukti berupaya mengekalkan klien dalam program RTG (NIDA, 1995).

Tujuan utama Program Terapi Gantian methadone dilakukan di Malaysia adalah untuk meningkatkan tahap kesihatan dan kualiti hidup penagih dadah dan secara khususnya adalah untuk mengurangkan kadar penagihan semula di kalangan penagih dadah terutama sekali yang tegar, meningkatkan tahap kecergasan mental dan fizikal penagih dadah, mengurangkan kejadian jangkitan penyakit di kalangan penagih dadah yang berkongsi jarum suntikan, meningkatkan fungsi psikososial di kalangan penagih dadah termasuk



keupayaan mereka untuk mendapat dan mengekalkan mutu kerja serta meningkatkan keyakinan diri untuk kembali ke dalam masyarakat.

LATARBELAKANG

Pelaksanaan Program Rawatan Terapi Gantian menggunakan methadone untuk rawatan penagihan dadah di negara ini adalah berikutan keputusan Mesyuarat Majlis Tindakan Membanteras Dadah Kebangsaan yang telah diadakan pada 13 Januari 2005. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dan bersetuju supaya satu projek pilot dijalankan untuk menggunakan methadone dalam rawatan dan penagihan dadah dalam kalangan penagih-penagih dadah opiat.

Pelaksanaan Program Rawatan Terapi Gantian menggunakan methadone bermula pada bulan Oktober 2005. Untuk Fasa Pertama ianya dilaksanakan di 8 buah hospital dan 2 buah Klinik Kesihatan serta 8 buah Klinik Swasta dengan melibatkan seramai 1,240 orang penagih dadah di 4 zon (utara, tengah, selatan dan timur) di seluruh negara (Cawangan Harm Reduction, Kementerian Kesihatan Malaysia, 2008). AADK terlibat secara langsung dalam pelaksanaan program RTG nasional ini terutamanya dalam menyediakan dan melaksanakan program intervensi psikososial seperti perkhidmatan kaunseling kepada klien-klien.

Fasa Pertama projek perintis methadone telah terbukti berjaya dan mengikut pembentangan awal penilaian pelaksanaan projek Fasa Satu oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bertindak Rawatan dan Pemulihan Dadah (JRP) Bil.1/2006 pada 14 September 2006 menyatakan bahawa "*retention rate*" untuk kesemua pusat rawatan yang terlibat adalah 84% malah terdapat pusat rawatan yang mencatat "*retention rate*" 100% berbanding dengan sasaran "*retention rate*" selepas 6 bulan pada tahap 65 – 70% yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Ini bermakna 84% klien yang menyertai program ini masih kekal mengikuti program. Keterampilan dan



keyakinan diri penagih yang meningkatkan juga mendorong 73% daripada mereka memperolehi pekerjaan. Terdapat juga pusat-pusat rawatan, contohnya di Negeri Melaka di mana hampir kesemua klien yang mengikuti program RTG ini telah mendapat pekerjaan.

Antara faktor kejayaan Fasa Pertama adalah komitmen dan iltizam yang tinggi yang diberikan oleh kakitangan yang terlibat di samping kerjasama pelbagai sektor yang cukup baik di antara agensi-agensi yang terlibat sama ada di Kementerian Kesihatan sendiri atau agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan seperti AADK, PDRM, pihak universiti dan NGO.

Berdasarkan hasil dan kesan yang memberangsangkan ini pihak KKM telah memperkembangkan dan meluaskan lagi pelaksanaan program ini ke Fasa Kedua yang melibatkan 5,000 klien di 13 buah hospital kerajaan, 10 buah Klinik Kesihatan dan 24 buah Klinik Swasta mulai 13 November 2006 secara berperingkat (Laporan Prestasi Cawangan Harm Reduction, Kementerian Kesihatan Malaysia, 2006).

Setahun kemudian Mesyuarat Jawatankuasa Bertindak Rawatan & Pemulihan Bil 1/2007 pada 5 Oktober 2007 yang dipengerusikan oleh YB Menteri Kesihatan juga bersetuju untuk memulakan Projek Perintis Rawatan Terapi Gantian menggunakan methadone di tiga buah Pusat Khidmat AADK.



OBJEKTIF RAWATAN TERAPI GANTIAN DI PUSAT KHIDMAT AADK

Objektif RTG ialah untuk menyediakan rawatan alternatif dan pemulihan jangka panjang kepada penagih-penagih dadah jenis heroin atau morfin dengan menggantikannya dengan methadone. Secara khususnya, RTG juga bertujuan untuk;

- i. Membantu klien mencapai dan mengekalkan kepulihan serta mencegah daripada terlibat semula dengan dadah.
- ii. Mengurangkan pergantungan psikososial melalui program pemulihan psikososial di kalangan klien dan Pembimbing Rakan Sebaya.
- iii. Melatih bekas penagih dadah yang terlibat dalam program ini untuk mengisi masa lapang dengan program dan aktiviti sosial dan riadah yang sihat
- iv. Meningkatkan tahap kesihatan dan kualiti hidup melalui amalan gaya hidup sihat

Projek Perintis Program Rawatan Terapi Gantian menggunakan methadone dilaksanakan di tiga buah Pusat Khidmat AADK bermula 26 November 2007. Pemilihan ketiga-tiga pusat khidmat ini berdasarkan kepada jumlah kes pengawasan yang ramai terlibat dengan dadah jenis opiat. Pusat Khidmat tersebut adalah PKAADK Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur; PKAADK Johor Bahru, Johor dan PKAADK Kg. Selamat (Daerah Seberang Prai Utara), Pulau Pinang.

Program ini dijalankan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) serta Pakar Psikiatri dari Klinik Swasta. KKM bertindak sebagai



penasihat teknikal, memberi bantuan dari segi penilaian dan ujian kesihatan serta menerima kes-kes rujukan yang memerlukan rawatan perubatan.

Dos methadone yang telah ditetapkan oleh Pegawai Perubatan diberikan (*dispense*) secara harian kepada klien oleh Pegawai Farmasi dari Klinik Pesakit Luar, Jalan Mahmudiah Johor Bahru, Hospital Kuala Lumpur, dan Klinik Kesihatan Butterworth.

Keseluruhan program ini telah dijalankan mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Agensi Antidadah Kebangsaan. Ia adalah seperti berikut:

- i. Garispanduan Program Terapi Gantian Methadone Nasional (*National Methadone Maintenance Therapy Guidelines*) yang telah disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Ia mengandungi garis panduan mengenai farmakologi methadone, pengurusan kemasukan klien ke dalam program rawatan dan pengurusan methadone.
- ii. Pelaksanaan program ini juga berdasarkan Protokol Program Terapi Gantian Menggunakan methadone yang telah disediakan oleh Kementerian Kesihatan (*National Policy and Standard Operating Procedure For Methadone Maintenance Therapy*) (Ministry of Health, 2007).
- iii. Pelaksanaan program kaunseling hendaklah mengikuti Garispanduan Kaunseling Untuk Terapi Gantian Menggunakan Methadone⁴
- iv. Garispanduan Program Methadone di Pusat Khidmat AADK

⁴ Garispanduan Bimbingan dan Kaunseling Terapi Gantian Methadone, AADK.



Pemilihan klien program ini dibuat berdasarkan kriteria-kriteria seperti berikut:

- i. Penagih Heroin / Morfin;
- ii. Penagih yang tegar;
- iii. Berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak melebihi 50 tahun;
- iv. Tidak mempunyai penyakit kronik;
- v. Penagih dadah yang menggunakan jarum suntikan (Injection Drug Users / IDUs); dan
- vi. Penagih bermotivasi tinggi untuk dipulihkan

Peranan Pegawai-Pegawai Pusat Khidmat AADK khusus kepada pemulihan psikologi dan psikososial, antaranya;

- i. Menjalankan program saringan awal untuk kemasukan klien ke dalam program;
- ii. Menjalankan Program Kaunseling mengikut modul kaunseling RTG menggunakan Methadone meliputi kaunseling individu, kaunseling keluarga dan kaunseling kelompok;
- iii. Menjalankan Program bimbingan, pendidikan psikososial, penyebaran dan "outreach" berkaitan Program Harm Reduction dalam kalangan ahli keluarga klien, pemimpin masyarakat, badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan serta pertubuhan setempat;
- iv. Menjalankan program pemantauan dan penilaian kemajuan klien empat bulan sekali sehingga tamat tempoh program pengawasan di dalam komuniti;



- v. Menjalankan program susulan terhadap klien yang tamat tempoh pengawasan di dalam komuniti;
- vi. Menjalani ujian pengesanan HIV secara sukarela dan menjalankan kaunseling sebelum dan selepas ujian;
- vii. Menyediakan khidmat rawatan dan pemulihan kepada kes-kes yang dirujuk oleh pemimpin masyarakat, pembimbing rakan sebaya, badan kerajaan dan bukan kerajaan serta pihak majikan;
- viii. Menyediakan program dan aktiviti yang sesuai untuk membantu klien mendapatkan peluang pekerjaan;
- ix. Menyediakan khidmat rujukan kepada klien seperti pakar sakit jiwa, pegawai perubatan, pegawai agama dan lain-lain kepakaran yang diperlukan oleh klien;
- x. Memberi sokongan dan kerjasama kepada agensi dan NGOs yang terlibat;
- xi. Melantik Pembimbing Rakan Sebaya untuk membantu melaksanakan program pendampingan (*outreach*);
- xii. Mewujudkan dan mengekalkan hubungan serta jaringan di peringkat daerah, dalam kalangan jabatan kerajaan, pihak berkuasa tempatan, pihak majikan dan syarikat swasta;
- xiii. Menyediakan latihan dalaman secara berterusan dalam bidang *Harm Reduction* kepada klien;



- xiv. Memberi kerjasama untuk menjayakan program kajian, penyelidikan dan pembangunan mengenai Program Harm Reduction di Pusat-Pusat Khidmat; dan
- xv. Mengatasi halangan dan cabaran yang timbul untuk memastikan matlamat Program *Harm Reduction* tercapai ;

Sehingga 30 Mac 2009, seramai 184 orang telah menyertai program ini iaitu 66 orang di PKAADK SPU, 63 orang di PKAADK WPKL dan 55 orang di PKAADK Johor Bahru. Penyertaan ini adalah melebihi daripada jumlah sebenar yang disasarkan iaitu 50 peserta di setiap PKAADK. Pengambilan klien secara berperingkat adalah untuk memastikan setiap klien dapat dipantau secara klinikal oleh pakar perubatan yang dilantik iaitu dari segi pengurusan klien dan komplikasi kesihatan yang mungkin dialami selepas mengambil methadone.

Program sokongan psikososial merupakan komponen wajib yang perlu diikuti oleh klien program ini kerana ia bertujuan memulihkan pergantungan psikologi mereka terhadap dadah. Program sokongan psikososial yang dijalankan adalah seperti ;

- i. Bimbingan dan kaunseling meliputi kaunseling individu, kelompok dan keluarga
- ii. Sesi psiko-pendidikan dadah
- iii. Penempatan Kerja
- iv. Kelompok sokong bantu

Klien yang terlibat dalam Program RTG menggunakan methadone menerima kaunseling mengikut garis panduan dan jadual yang telah disediakan. Setakat laporan ini seramai 184 orang klien telah menerima 764 sesi kaunseling individu, 167 sesi kaunseling kelompok dan 48 sesi kaunseling keluarga.



Jadual 1: KLIEN YANG MENERIMA KAUNSELING DARI DISEMBER 2007 HINGGA MAC 2009.

PKAADK	JUMLAH KLIEN	KAUNSELING INDIVIDU	KAUNSELING KELOMPOK	KAUNSELING KELUARGA
		SESI	SESI	SESI
PKAADK SPU	66	361	53	32
PKAADK WPKL	63	298	17	8
PKAADK JB	55	105	92	0*
JUMLAH	184	409	167	40

*Kaunseling ini digabungkan dengan Family Association

Program-program lain yang telah dijalankan adalah psiko-pendidikan sebanyak 15 sesi, seminar program penempatan kerja sebanyak 7 sesi dan 68 sesi kumpulan sokong bantu dari bulan Januari hingga September 2008. Selain daripada itu, sesi kumpulan sokong bantu keluarga, psiko pendidikan keluarga , family association juga telah dijalankan.

Jadual 2: KLIEN YANG MENJALANI PROGRAM PEMULIHAN DARI DISEMBER 2007 HINGGA MAC 2009

PKAADK	JUMLAH KLIEN	PSIKO – PENDIDIKAN	PROGRAM T / KERJA	KSB
		SESI	SESI	SESI
PKAADK SPU	66	10	8	25
PKAADK WPKL	63	6	1	30
PKAADK JB	55	3	1	36
JUMLAH	184	19	10	91



Jadual 3: KLIEN YANG MENJALANI PROGRAM PEMULIHAN LAIN DARI DISEMBER 2007 HINGGA MAC 2009

PKAADK	JUMLAH KLIEN	KSB KELUARGA	PSIKO-PEN KELUARGA	FAMILY ASSOCIATION	LAIN-LAIN
		SESI	SESI	SESI	SESI
PKAADK SPU	66	10	4	2	19
PKAADK WPKL	63	20	0*	2	12
PKAADK JB	55	1	0*	3	17
JUMLAH	184	31	4	7	48

*Program digabungkan dalam Family Association

PENILAIAN PROGRAM RAWATAN TERAPI GANTIAN MENGGUNAKAN METHADONE DI PUSAT KHIDMAT AADK

Penilaian program dibuat ke atas 184 klien RTG Methadone yang sedang menjalani program tersebut dengan menggunakan soal selidik dan alat ujian kajian berikut:

- i. *Opiate Treatment Index* - Diisikan oleh Pegawai Perubatan
- ii. *Treatment Outcome Profile*- Diisikan oleh Kaunselor
- iii. *WHO Quality of Life* – Diisikan oleh Klien
- iv. Skala Motivasi- Diisikan oleh Klien
- v. Ujian urin dan Ujian darah
- vi. Laporan Kaunselor



Jadual 4: Bilangan klien sehingga bulan Mac 2009 digunakan dalam penilaian program RTG menggunakan Methadone di Pusat Khidmat

PUSAT KHIDMAT	TARIKH PERMULAAN/ NO KLIEN	SEHINGGA MAC 2009 / NO KLIEN
JOHOR BAHRU	18th Dec 2007 - 5	55
KUALA LUMPUR	26th Feb 2008 – 5	63
PULAU PINANG	28th Feb 2008 – 15	66

STATUS KLIEN DALAM PROGRAM RTG

Jadual 4 dan 5 menunjukkan bahawa terdapat 184 orang klien yang masih mengikuti program ini, manakala 14 orang klien tidak dapat menyambung program dan 15 orang klien yang didapati tidak komplian (klien yang tidak ingin meneruskan program).



Jadual 5: Klien yang meninggalkan Program Methadone AADK


NOMBOR KLIEN	STATUS
184 klien	Masih mengikuti program
4 klien	1 Telah mengikuti program di KK Kepala Batas dan 3 ke KK Larkin
1 klien	Telah berpindah ke Dubai
6 klien	Ditahan oleh polis kerana terlibat dalam jenayah lama
15 klien	Tidak komplian (tidak mahu meneruskan program)
1 klien	Jangkitan TB and HIV
2 klien	Meninggal dunia

RETENTION RATE

Projek Perintis RTG menggunakan methadone di Pusat Khidmat telah berjaya mencapai *retention rate* sebanyak 93.9% pada 6 bulan pertama dan 92.9% selepas 12 bulan. Rajah 1 menunjukkan perbandingan *retention rate* di antara Projek Perintis di AADK, Program RTG Kebangsaan dan sasaran Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO). Projek Perintis Methadone di AADK berjaya mencapai kejayaan yang paling tinggi dalam masa 12 bulan yang pertama. Antara sebabnya ialah semua yang menghadiri RTG di AADK terdiri daripada mereka yang menawarkan diri secara sukarela untuk menyertai program dan bermotivasi tinggi untuk pulih serta menghadiri program pemulihan penagihan dadah, dan pelbagai program sokongan psikososial disediakan di PKAADK yang terlibat.



Rajah 1: Kadar *Retention Rate*




Ciri-ciri demografi, penglibatan dengan dadah dan rawatan

Sejumlah 91.6% klien yang terlibat dalam program ini adalah lelaki dan 8.4% adalah perempuan. Sebilangan besar daripada klien yang menyertai program ini adalah dari golongan kaum Melayu, diikuti oleh kaum Cina, India dan lain-lain.



Rajah 2: Peratus klien yang mengikuti program mengikut kaum



Kelulusan Akademik : Sebanyak 36.26% orang klien mempunyai kelulusan SPM, diikuti oleh 28.57% yang belajar ke tahap sekolah rendah sahaja. 18.68% mempunyai kelulusan SRP dan 9.89% telah menuntut ke tahap sekolah menengah. Manakala sebanyak 3.30% mempunyai kelulusan STPM, 1.10% mempunyai ijazah dan 1.10% klien yang tidak berpelajaran (Rajah 3).


Tempoh Penagihan Dadah: 3.33% telah menagih dadah selama 2-5 tahun, 16.67% selama 16-20 tahun, 25.0% selama >26 tahun, 17.5% selama 11-15 tahun, 15.83% selama 6-10 tahun dan 22.22% selama 21-25 tahun (Rajah 4).

Dari segi taraf perkahwinan, sebanyak 63% klien didapati belum berkahwin, 30% klien telah berkahwin, 6% klien telah bercerai dan 1 % di mana pasangannya telah meninggal dunia.


Status pekerjaan: Sebanyak 37.39% klien tidak mempunyai pekerjaan, 37.39 % bekerja sepenuh waktu, 22.76 % klien bekerja separuh waktu dan 2.44 % membuat kerja rencam apabila memulakan Program Methadone.



Rajah 3: Kelulusan Akademik Klien Methadone




Rajah 4 : Tempoh Penagihan Dadah Klien Methadone






Rajah 5: Status Pekerjaan Klien Methadone Pada Permulaan Program



Jenis Pekerjaan: 21.62% klien bekerja dalam bidang perkhidmatan, 15.32% mempunyai perniagaan sendiri, 4.50% bekerja dalam bidang pertanian, 3.60% bekerja sebagai kerani. Hanya 0.90% adalah dalam bidang profesional manakala sebahagian besar (31.53%) klien membuat kerja rencam


Rajah 6: Jenis Pekerjaan Klien methadone pada Permulaan Program






Tempoh Menjalani Program RTG Di Pusat Khidmat: Sejumlah 21.09% klien telah menjalani program selama lebih daripada 3 bulan, 18,75% klien telah menjalani program lebih daripada 5 bulan dan 18.75% kurang dari 1 bulan.

Rajah 7: Tempoh Menjalani Program RTG Di Pusat Khidmat AADK




Penagih Yang Pernah Menerima Rawatan Pemulihan Dadah: Sebanyak 32.93% klien telah menerima rawatan pemulihan dadah sebanyak 2 kali, 24.39% sebanyak sekali, 10.98% sebanyak 4 kali, 12.2% sebanyak 3 kali, 3.66% sebanyak lebih 6 kali. Kesemua klien adalah penagih tegar.

Rajah 8: Klien Methadone Yang Pernah Menerima Rawatan Pemulihan Dadah






Rajah 9 : Klien Methadone Yang Mempunyai Penyakit Kronik



Klien Methadone Yang Mempunyai Penyakit Kronik: 89% daripada klien Methadone menghidapi penyakit Hepatitis C, 4 % klien dijangkiti HIV/AIDS dan seramai 3% mempunyai penyakit Hepatitis B.

Klien Yang Menerima Hukuman Penjara: Sebanyak 29.10% klien pernah menerima hukuman di penjara sekali, diikuti dengan 24.42% sebanyak 2 kali. 4.65% pernah memasuki penjara lebih daripada 6 kali.

Rajah 10: Klien Methadone Yang Pernah Menerima Hukuman Penjara






Peratus Sejarah Penagihan Dadah Dalam Keluarga: Sebanyak 64.93% klien tidak mempunyai sejarah penagihan dadah dalam keluarga, 14.18% klien mempunyai adik-beradik yang menagih dadah, 5.22% klien ada sejarah penagihan dadah disebelah keluarga ayah dan 11.94% klien ada sejarah penagihan dadah disebelah keluarga emak

ANALISIS UJIAN PILOT PROJEK RTG

Bilangan ujian urin yang positif untuk opiat juga telah turun dalam 12 bulan yang pertama seperti yang ditunjukkan dalam rajah 11.


Rajah 11: Bilangan Ujian Urin Positif Dalam Kalangan Klien Methadone




Skor *WHO Quality Of Life* dalam Projek Perintis menunjukkan kejayaan dari segi fizikal, psikososial, sosial dan persekitaran .



Rajah 12: Skor Fizikal dan Psikososial Klien Methadone



Rajah 13: Skor Sosial dan Environment Klien Methadone



Dari segi batasan kefungsiian sosial⁵ (*limitation of social functioning*) didapati skor purata untuk 12 bulan yang pertama turun dari 12.22 kepada 7.14. Aspek Penilaian “*Limitation of Social Functioning*” merangkumi penempatan kerja, stabiliti dalam keluarga, konflik dalaman, bantuan sosial dan penglibatan dalam kumpulan penagih dadah.

⁵ Skor batasan kefungsiian sosial yang rendah menunjukkan daya kefungsiian yang baik manakala skor yang tinggi bermakna daya kefungsiian yang rendah kerana menghadapi banyak batasan hidup



Dari segi kadar jenayah didapati program ini berjaya menurunkan kes jenayah seperti pengedaran dadah, jenayah ringan, penipuan, jenayah melibatkan keganasan di kalangan klien dari 0.25 kepada 0.00. Skor dari segi tahap kesihatan seperti kesihatan umum, kardio-respiratori, neurologi dan sebagainya telah meningkat dari 0.88 kepada 5.04


Jadual 6: Skor Batasan Kefungsian Sosial, Kadar Jenayah dan Tahap Kesihatan Klien Methadone

	0 bulan	6 bulan	12 bulan
BATASAN KEFUNGSIAN SOSIAL (limitation of social functioning)	12.22	12.27	7.14
KADAR JENAYAH	0.25	0.04	0.00
KESIHATAN	0.88	1.57	5.04

Mengikut soalselidik *Opiate Treatment Index*, skor purata Batasan Kefungsian Sosial yang tinggi menunjukkan daya kefungsian yang lemah dan sebaliknya skor yang rendah menunjukkan daya kefungsian yang kuat.


Program Rawatan Terapi Gantian menggunakan Methadone telah menolong mempertingkatkan daya kefungsian klien dalam 12 bulan yang pertama.

Rajah 14: Skor Batasan Kefungsian Sosial






Rajah 15: Skor Jenayah



Rajah 16: Skor Tahap Kesihatan




STATUS PEKERJAAN

Projek Perintis ini berjaya menurunkan bilangan klien yang menganggur dengan memberi peluang pekerjaan kepada klien dalam 12 bulan yang pertama. Walau bagaimanapun, terdapat ramai klien yang terpaksa berhenti kerja untuk menyertai program ini di atas alasan seperti:

- jarak yang jauh di antara Pusat Khidmat dan tempat kerja
- dos harian yang mesti diambil di Pusat Khidmat
- sesi pengambilan ubat dijalankan pada masa yang singkat



Rajah 17: Bilangan Klien Yang Telah Mendapat Pekerjaan Semasa Menjalani Program Methadone



Respon Klien Mengenai RTG

Program RTG telah banyak memberikan kebaikan dan membawa perubahan positif kepada klien Methadone. Antara respon yang diperolehi adalah seperti berikut:

"Saya sekarang ini langsung tak ingat untuk menagih semula dan badan saya pun dah rasa semakin sihat" **Pn. Zainon, 40 tahun.** Beliau kini merupakan residen di Pusat Khidmat AADK Wilayah Persekutuan dan telah mengikuti Program Methadone sejak Mac 2008. Dahulunya beliau sangat bergantung kepada pengambilan Methadone dengan kadar dos yang agak tinggi tetapi kini beliau mampu bekerja dengan baik dan kebergantungan terhadap Methadone juga semakin berkurangan. Tahap kesihatan juga beliau juga semakin baik.



"Saya mula ikut program ini sejak bulan Ogos 2008. Setakat ini saya rasa sangat baik dan badan pun semakin sihat, rasa nak ketagih pun langsung tiada dan sekarang ini saya hanya fikir nak kerja baik-baik" **En.Haslam, 42 tahun.**

"Saya mula program ini dah setahun lebih. Saya sekarang bekerja sebagai pengawal keselamatan dan saya rasa diri saya semakin baik dan yakin bila orang ramai mula pandang baik dan percaya pada saya. Kesihatan pun semakin baik, rasa ketagihan tidak ada lagi" **En. Najmi, 38 tahun.**

"Saya telah mengikuti program RTG ini sejak 2 tahun yang lalu di Pusat Khidmat AADK Seberang Prai Utara. Pada permulaannya saya berasa sangat sukar untuk melupakan ketagihan dan sehinggalah saya terdorong untuk mengikuti Program RTG atas dorongan dari Pegawai AADK sendiri. Dahulunya saya tidak diterima oleh keluarga sendiri, namun berkat usaha dan dorongan yang diberikan oleh kakitangan AADK, saya telah berjaya dan kini mempunyai perniagaan sendiri. Keluarga saya juga telah dapat menerima saya kembali. Saya sering membantu AADK dalam kes-kes jejak sebagai seorang PRS. Sehingga kini saya sangat berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberi oleh pihak AADK "
En. Abdul Hamid Bin Haji Ramli, 48 tahun.

Respon Pegawai AADK Yang Terlibat Dengan RTG

"Kami sebagai kaunselor di sini sangat teruja untuk teruskan program ini kerana kami sentiasa nampak kejayaan dan perubahan klien kami. Setiap apa yang kami lakukan dan kejayaan dan perkembangan yang baik setiap klien adalah kepuasan bagi setiap di sini. Di sini kami sentiasa memantau dan mengambil berat terhadap klien kami. Bila kami melihat perubahan yang positif setiap klien kami, ia adalah merupakan satu anugerah buat kami di sini. Rata-rata klien kami hampir kesemuanya telah berjaya melupakan ketagihan dan mendapat pekerjaan yang baik. Harapan kami supaya dapat meneruskan program ini dan apa yang kami boleh katakan bahawa hampir 90% program ini adalah berjaya



jika terus mendapat sokongan dan kerjasama pada semua pihak” **Pn. Hajah Wirdanim Bt. Abdul Latif, Kaunselor PKAADK**

“Kerjasama semua pihak amat diperlukan bagi memastikan kejayaan program ini. Perubahan dari segi aspek sosial dapat dilihat dengan jelas kepada klien yang menyertai program ini. Walaubagaimanapun, penekanan kepada aspek program psikososial perlu diberikan perhatian kerana kejayaan dan keperluan klien bukan bergantung sepenuhnya kepada jumlah dos Methadone yang diambil tetapi sejauhmana program psikososial dapat memberikan keyakinan kepada klien untuk terus mengekalkan keperluan dan seterusnya dapat meninggalkan penagmbilan Metadhone pada suatu masa nanti” **Encik Ibrahim bin Muhamad Said, Ketua Pegawai AADK Daerah Seberang Perai Utara.**

“Saya memang terlibat secara langsung dengan Program RTG Methadone di PKAADK Johor Bahru, Johor selaku Ketua, AADK Daerah Johor Bahru, Johor. Pada pemerhatian saya program ini amat baik kerana program ini memang di susun dengan begitu baik dengan kerjasama Agensi Anti-Dadah Kebangsaan (AADK) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Klien program ini di pilih mengikut kriteria yang agak ketat mengikut Standard Operating Procedures program ini. Salah satu kriteria yang penting adalah klien mesti di kalangan penagih tegah yang menggunakan heroin. Kemudian klien ini di tapis oleh Pakar Perubatan Psikiatri (yang telah menjalani latihan dalam Program Methadone) yang di lantik oleh AADK untuk membuat pemeriksaan dan membuat penilaian klien-klien program ini. Pakar ini akan menjalankan ujian-ujian makmal yang tertentu seperti Liver Function Test dan sebagainya terhadap klien yang terpilih supaya klien betul-betul layak menjalani program ini. Kemudian selepas klien lulus dalam semua kriteria, mereka akan di beri preskripsi dos ubat Methadone mengikut sukatan yang Pakar syorkan. Ubat Methadone pula di beri oleh Pegawai Farmasi dari KKM (yang telah menjalani latihan dalam Program Methadone). Klien program ini akan diperiksa oleh Pakar dan di ulangkaji setiap



hari supaya tindak balas buruk dapat di kesan serta merta dan tindakan selanjutnya boleh diambil untuk mengatasinya.”

“Klien-klien program Methadone juga menjalani program psikologi seperti kaunseling individu, kelompok dan keluarga oleh pegawai-pegawai pemulihan di PKAADK. Selain itu aktiviti kelompok sokong bantu (KSB) dan sesi –sesi didaktik juga di didedahkan kepada klien-klien methadone. Pengurus Kes di PKAADK juga akan mendapatkan kerja yang bersesuaian, menjalankan aktiviti sukan & riadah, aktiviti keagamaan, membantu mendapatkan penempatan sementara di PKAADK untuk klien yang tiada rumah dan juga membantu mendapatkan kad pengenalan, lesen kenderaan supaya klien dapat meningkatkan kehidupan mereka ke tahap yang lebih baik.”

“Daripada pengalaman saya, program RTG Methadone dengan bantuan pegawai pemulihan AADK telah memulihkan ramai penagih-penagih tegar heroin. Ramai klien Methadone telah menjadi produktif dan dapat bekerja seperti biasa malah telah menyumbangkan kepada negara secara tidak langsung. Dua orang penagih tegar yang saya kenali telah menjadi Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) di PKAADK Johor Bahru, Johor. Kini mereka berdua telah berjaya menjadi pekerja tetap di Intan Life Zone (ILZ) dengan gaji yang agak lumayan iaitu sebuah badan bukan kerajaan (NGO) di Johor Bahru yang melaksanakan program Pertukaran Jarum (Needle & Syringe Exchange Program) dan merawat pulih klien-klien HIV/AIDS.” **En. V M Asok Kumar, Ketua Pegawai AADK Daerah Johor Bahru (2007)**



KESIMPULAN

Penilaian Program Perintis Rawatan Terapi Gantian Menggunakan Methadone yang telah dimulakan pada 26 November 2007 di 3 Pusat Khidmat AADK menunjukkan kejayaan yang memberangsangkan. Ini ditunjukkan melalui penurunan kes penagihan semula semasa klien mengikuti program ini.

Program ini berjaya membantu klien untuk menceburi bidang pekerjaan, mengurangkan pengangguran dan mengurangkan kes jenayah di antara penagih-penagih dadah. Di samping itu, program ini nyata sekali berjaya mempertingkatkan kualiti hidup klien terutama dari segi fizikal, sosial dan persekitarannya. Adalah diharapkan bahawa Program Terapi Gantian Menggunakan Methadone dapat memberikan satu harapan baru kepada penagih dadah tegar agar mereka dapat kembali berfungsi secara normal dan mempraktikkan gaya hidup sihat, menjadi lebih produktif dan berbakti dalam masyarakat.



Rujukan

Agensi Antidadah Kebangsaan, 2006, *Garispanduan Bimbingan dan Kaunseling Terapi Gantian Methadone*.

Amato L, Minozzi S, Davoli M, Vecchi S, Ferri M, Mayet S. (2004). Psychosocial combined with agonist maintenance treatment versus agonist maintenance treatments alone for treatment of opioid dependence. *Cochrane Database Syst. Rev.* 2004 18;(4): CD004147

Dole V.P. & Nyswander M.E. (1980). Methadone Maintenance: a theoretical perspective. *NIDA Res Monogr.* Mar; 30: 256-261

Hall, W. Ward, J. & Mattick, R.P. (1998). The effectiveness of Methadone Maintenance Treatment 1; Heroin use and Crime. In J Ward, R.P. Mattick, and W. Hall (Eds), *Methadone Maintenance Treatment and Other Opioid Replacement Therapies* (pp. 17-57). Amsterdam: Overseas Publishers Association, Harwood Academic Publishers.

Hubbard, R.L. Rachal, J.V. Craddock S.G. & Cavanaugh E.R. (1984) *Drug Abuse Treatment Evaluation: Strategies, Progress & Prospects*. Washington DC: National Institute on Drug Abuse

Joseph, H. Stancliff, S. & Langrod, J. (2000). Methadone maintenance treatment (MMT): A review of historical and clinical issues". *Mt. Sinai J. Med.* 67(5-6); 347-64

Laporan Prestasi Cawangan Harm Reduction, Kementerian Kesihatan Malaysia(2006)

Mahmood, N. M. & Dzahir Kasa. (2007). Drug substitution therapy: Success and limitations of the methadone and buprenorphine maintenance program. *Jurnal Antidadah Malaysia*, 1: 25-72

Ministry of Health. (2007). *National Policy and Standard Operating Procedure for Methadone Maintenance Therapy*.

National Consensus Development Panel on effective Medical Treatment of Opiate Addiction, 1998.

Volkow, N, D. (2008). *Appropriate Use of Methadone in Addiction*, Washington DC: NIDA.